



HUBUNGAN PERSEKITARAN KELUARGA DENGAN TINGKAH LAKU PONTENG MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN (MBPKMP)

TREE NURHAYATY BINTI MASRUKIN



**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN PERSEKITARAN KELUARGA DENGAN TINGKAH LAKU
PONTENG MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH
PEMBELAJARAN (MBPKMP)**

TREE NURHAYATY BINTI MASRUKIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Segala kesyukuran dan pujian-pujian dipanjatkan kepada Allah s.w.t kerana dengan izin dan inayah-Nya disertasi ini berjaya disempurnakan. Setinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan khas kepada Prof. Dr Kannamah Mottan selaku penyelia disertasi yang dihasilkan ini. Segala pengorbanan masa, curahan ilmu, bimbingan, dorongan serta kata-kata nasihat menjadi pembakar semangat bagi menyempurnakan disertasi ini. Sepanjang menjejaki kaki di UPSI, tidak ternilai curahan ilmu dan cahayanya menjadi panduan dan suluh budiman yang penuh hikmah dengan penuh kegigihan untuk menyempurnakan disertasi ini. Justeru, terima kasih setingginya ditujukan kepada semua pensyarah yang memberikan kuliah dan tunjuk ajar selama ini.

Di kesempatan di ruangan ini, dengan sukacitanya diucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Pegawai Pendidikan Negeri Selangor, Pegawai Pendidikan Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor, Guru Besar-Guru Besar, Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas dan guru-guru bagi sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

Buat teman-teman seperjuangan serta kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung, sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada mereka. Hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalas jasa kalian dalam menayakan penyelidikan ini. Semoga kita bersama-sama mengecapi kejayaan seperti yang diimpikan dengan keizinan dari Pencipta Alam Semesta dan menjadi seorang Pemimpin Pendidikan yang berjasa kepada pembangunan insaniah dalam Sistem Pendidikan Negara yang tercinta.

Wasalam,

Tree Nurhayaty Binti Masrukin





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran (MBPKMP). Teori Maslow (Humanistik) dan Teori Bronfenbrenner (ekologi) digunakan dalam kajian ini untuk menerangkan konsep persekitaraan keluarga yang merangkumi aspek pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi keluarga. Kaedah tinjauan digunakan sebagai reka bentuk kajian. Kajian ini dijalankan di 16 buah sekolah rendah PPKI daripada dua daerah di Negeri Selangor. Populasi kajian terdiri daripada 143 pelajar MBPKMP dan sampel seramai 103 pelajar telah dipilih secara rawak. Salah seorang ibu bapa pelajar yang terlibat dalam kajian ini telah juga dipilih sebagai responden. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik yang telah disahkan oleh enam orang pakar bidang. Kebolehpercayaan instrumen telah diukur menggunakan pekali Cronbach Alpha, iaitu $\alpha = 0.94$. Statistik deskriptif dan inferens seperti kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, dan korelasi Pearson telah digunakan untuk menganalisis data. Dapatan kajian mendapati hubungan yang signifikan tetapi lemah dan sonsang di antara pendapatan keluarga dengan tingkah laku ponteng ($r = -0.23$; $p < 0.05$). Hasil analisis korelasi juga menunjukkan hubungan yang signifikan tetapi lemah dan sonsang di antara aksesibiliti dengan tingkah laku ponteng ($r = -0.21$; $p < 0.05$). Begitu juga dengan sosialisasi, didapati hubungan yang signifikan sederhana kuat tetapi sonsang di antara sosialisasi dengan tingkah laku ponteng ($r = -0.37$; $p < 0.05$). Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan persekitaran keluarga mempunyai hubungan yang sonsang dengan tingkah laku ponteng dalam kalangan pelajar MBPKMP di negeri Selangor. Dengan kata lain, persekitaran keluarga yang positif akan mengurangkan tingkah laku ponteng. Implikasi kajian menunjukkan dapatan kajian ini penting di mana pihak ibu bapa perlu meningkatkan persekitaran keluarga yang sihat dan positif untuk mengurangkan tingkah laku ponteng dalam kalangan anak mereka yang mempunyai masalah pembelajaran.





ABSTRACT

The purpose of this study was to examine the relationship of family environment to the behavior of students with special needs of learning disabilities (MBPKMP) in the areas of family income, family accessibility and socialization. Maslow Theory (Humanistic) and Bronfenbrenner Theory (ecology) are used in this study to explain the concept of family environment which includes aspects of family income, accessibility and family socialization. The survey method was used as the study design. This study was conducted in 16 PPKI primary schools from two districts in the State of Selangor. The study population consisted of 143 MBPKMP students and a sample of 103 students were randomly selected. One of the parents of the students involved in this study was also selected as the respondent. The research instrument consists of a questionnaire that has been validated by six field experts. The reliability of the instrument was measured using the Cronbach Alpha coefficient, i.e. $\alpha = 0.94$. Descriptive and inference statistics such as frequency, percentage, mean, standard deviation, and Pearson correlations were used to analyze the data. The findings of the study found a significant but weak and inverse relationship between family income and skipping behavior ($r = -0.23$; $p < 0.05$). The results of the correlation analysis also showed a significant but weak and inverse relationship between accessibility and skipping behavior ($r = .021$; $p < 0.05$). Similarly with socialization, it was found that there was a moderately strong but inverse relationship between socialization and skipping behavior ($r = -0.37$; $p < 0.05$). In conclusion, the main findings of the study show that the family environment has a direct relationship with skipping behavior among MBPKMP students in the state of Selangor. In other words, a positive family environment will reduce skipping behavior. The implications of the study show that the findings of this study are important where parents need to improve a healthy and positive family environment to reduce skipping behavior among their children with learning difficulties.



**KANDUNGAN**

HALAMAN JUDUL	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	Vi
KANDUNGAN	Vii
SENARAI JADUAL	Xii
SENARAI RAJAH	Xvi
SENARAI SINGKATAN DAN ISTILAH	xviii
SENARAI LAMPIRAN	Xx
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1. Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	9



1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan kajian	12
1.7 Hipotesis Kajian	12
1.8 Kerangka Konsep Kajian	13
1.9 Kepentingan Kajian	17
1.10 Batasan Kajian	20
1.11 Definasi	21
1.11.1 Persekitaran Keluarga	21
1.11.2 Pendapatan Keluarga	21
1.11.3 Aksesibiliti	22
1.11.4 Sosialisasi	22
1.11.5 Ponteng	23
1.11.6 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	23
(MBPKMP).	

1.12	Penutup	24
------	---------	----

BAB 2	KAJIAN LITERATUR	26
--------------	-------------------------	----

2.1	Pengenalan	26
-----	------------	----

2.2	Definasi Konsep	28
-----	-----------------	----

2.2.1	Persekitaran Keluarga	28
-------	-----------------------	----

2.2.2	Domain dalam Persekitaran keluarga	34
-------	------------------------------------	----

1.	Pendapatan keluarga	34
----	---------------------	----

2.	Aksesibiliti	39
----	--------------	----

3.	Sosialisasi	43
----	-------------	----

2.2.3	Tingkah Laku Ponteng	50
-------	----------------------	----

2.2.4	Murid Berkeperluan pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP)	53
-------	---	----

2.3	Teori Berkaitan Tingkahlaku Ponteng	55
-----	-------------------------------------	----

2.3.1	Teori Maslow	55
-------	--------------	----

2.3.2	Teori Ekologi bronfenbrenner	60
-------	------------------------------	----

2.3	Penutup	70
BAB 3	METODOLOGI	71
3.1	Pengenalan	71
3.2	Rekabentuk Kajian	72
3.3	Populasi, Sampelan dan Pensampelan	74
3.4	Instrumen	78
3.4.1	Kesahan Instrumen	86
3.5	Kebolehpercayaan	90
3.5.1	Analisis kebolehpercayaan Instrumen	90
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	91
3.7	Kaedah Penganalisisan Data	94
3.8	Rumusan	99
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	100
4.1	Pengenalan	100



4.2	Kajian Rintis	102
4.3	Kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian	100
4.4	Demografi Responden	101
4.4.1	Jantina	105
4.4.2	Umur	106
4.4.3	Kaum	107
4.4.4	Agama	108
4.4.5	Akademik responden	109
4.4.6	Bilangan Ahli Keluarga	110
4.4.7	Pekerjaan Responden	111
4.4.8	Pendapatan Responden	112
4.5	Pengujian Hipotesis	113
4.5.1	Ujian Hipotesis Nol 1	113
4.5.2	Ujian Hipotesis Nol 2	115
4.5.3	Ujian Hipotesis Nol 3	116
4.6	Ringkasan hasil Ujian Hipotesis	116
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	119
5.1	Pengenalan	119
5.2	Demografi Responden	120



5.3	Rumusan Dapatan Kajian	123
5.4	Pebincangan	125
5.4.1	Kolerasi antara hubungan pendapatan keluarga dengan tingkahlaku ponteng MBPKMP	125
5.4.2	Kolerasi antara hubungan aksesibiliti dengan tingkahlaku ponteng MBPKMP.	127
5.4.3	Kolerasi antara hubungan sosialisasi dengan tingkahlaku ponteng MBPKMP.	129
5.5	Implikasi Dan Cadangan Kajian	140
5.5.1	Implikasi Ke Atas Bidang Pendidikan	142
5.5.2	Implikasi Ke Atas Guru	140
5.4.3	Implikasi Ke Atas Sekolah	144
5.5.4	Cadangan	145
5.6	Kesimpulan Dan Penutup	146
	RUJUKAN	148
	LAMPIRAN	159

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1.1	Data MBPKMP Ponteng di Lima Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Daerah Sabak Bernam tahun 2018	8
2.1	Persamaan dan perbezaan teori Maslow dan Rogers	65
3.1	Taburan Populasi Dan Respondan Mengikut Sekolah (PPKI)	71
3.2	Skala Likert Dalam Kajian	73
3.3	Permarkatan Skor Dan Tahap	73
3.4	Item-Item Pengukuran	77
3.5	Komen Keseluruhan Panel Penilaian Instrumen	82
3.6	Bilangan Item dan Kebolehpercayaan Skala (Alpha Cronbach) Soal Selidik	85
3.7	Skor Bagi Skala Likert 5 Point	90
3.8	Garis Panduan Bagi Skor Nilai Min	92
3.9	Nilai Pekali Kolerasi Dan Tafsiran	94
3.10	Kaedah Analisis Data Kajian	94
4.1	Ringkasan <i>Alpha Cronbach</i>	100
4.2	Profil jantina anak responden	101

4.3	Profil Umur Anak Responden	103
4.4	Profil kaum	105
4.5	Profil Agama Anak responden	106
4.6	Akademik Responden	107
4.7	profil Bilangan Ahli Keluarga	109
4.8	Profil Pekerjaan Respondan	111
4.9	Profil Pendapatan Respoden	112
4.10	Kolerasi Spearman Rho Hubungan Pendapatan Keluarga dengan Ponteng MPKMP	114
4.11	Kolerasi Spearman Rho Hubungan Aksesibiliti dengan Ponteng MPKMP	116
4.12	Hasil Kolerasi Hubungan Sosialisasi dengan Ponteng MBPKMP	117
5.1	Kolerasi Spearman Rho Hubungan Persekitaran Keluarga dengan Ponteng MBPKMP	131



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	15
2.1	Teori Hieraki Keperluan Maslow	53
2.2	Kongruen Kendiri	59
2.3	Anggapan Carls Rogers	64
3.1	Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data	87
4.1	Carta Profil Jantina Anak Responden	102
4.2	Graf Profil Umur Anak responden	104
4.3	Carta Profil Kaum	105
4.4	Graf Profil Agama Anak Responden	107
4.5	Carta Pai Akademik Responden	108
4.6	Graf Profil Bilangan Ahli Keluarga	110



4.7 Carta Profil Pekerjaan Responden 111

4.8 Graf Profil Pendapatan Responden 113



SENARAI SINGKATAN DAN ISTILAH

Singkatan	Penggunaan dalam Bahasa Melayu
MBPKMP	Murid Berperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
OKU	Orang Kelainan Upaya
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
RMT	Rancangan Makanan Tambahan
APDM	Aplikasi Pangkalan Data Murid
PIPP	Plan Induk Pembangunan Pendidikan
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosial
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdPc	Pengajaran Dan Pemudahcaraan
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara





JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
SPSS	Statistical Package for Social Science
GPK	Guru Penolong Kanan
EPRD	Educational Planning and Research Division
MPM	Majlis Paralimpik Malaysia





LAMPIRAN

Lampiran

Halaman

A	Instrumen Kajian (Soal Selidik)	140
B	Surat Kebenaran EPRD	148
C	Surat Kebenaran JPN	149



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Tesis ini mengandungi lima bab. Penulisan bab pertama membincangkan latar belakang, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definasi konsep serta definasi operasi kajian. Kajian Literatur dibincangkan di dalam bab dua iaitu teori-teori yang berkaitan dengan kajian ini. Bab ketiga pula menerangkan metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini, iaitu rekabentuk kajian, persampelan, instrument, kajian rintis, kebolehpercayaan, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Bab keempat membincangkan hasil analisis data yang diperolehi dalam kajian secara tinjauan. Bab lima membincangkan rumusan, perbincangan dan cadangan.



Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP) adalah murid yang ditempatkan di sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang melaksanakan Program Pendidikan khas Integrasi (PPKI) atau Program Pendidikan Khas Inklusif (PKI), pada peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, atau pendidikan lepas menengah. Di mana murid tersebut mempunyai masalah penglihatan, pendengaran, serta yang mempunyai masalah dalam pembelajaran dan pintar cerdas. Kategori Murid Berkeperluan Pendidikan Khas bermasalah pembelajaran (MBPKMP). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab dalam pendidikan MBPKMP iaitu Autisme ringan, *Attention Deficit Hyperaktif Disorder* (ADHD), Sindrom Down, terencat akal minimum dan bermasalah pembelajaran spesifik (disleksia). Pendekatan MBPKMP mengutamakan kepada kebolehan, kemahiran, penguasaan, kefungsian perkembangan, dan pencapaian murid tersebut dalam kemahiran perkembangan (*developmental skills*). Program Pendidikan Khas Integrasi adalah program yang memberi peluang dan ruang untuk murid berkeperluan khas menikmati suasana pembelajaran yang sama seperti murid normal. (Akta Pendidikan, 1996). Menempatkan MBPKMP di sekolah biasa adalah permulaan yang baik. Melalui program integrasi ini MBPKMP berpeluang menyesuaikan diri, berkeyakinan dan bersosialisasi bersama murid normal. Program yang dijalankan selaras dengan Falsafah Pendidikan Khas iaitu menyediakan peluang yang sama kepada MBPKMP seperti yang diberikan kepada murid normal bagi memastikan perkembangan psikososial adalah seimbang.

Masalah tingkah laku ponteng sekolah bukanlah satu masalah baru dalam kalangan murid arus perdana malah turut melibatkan MBPKMP. MBPKMP mudah merasa bosan dan juga cepat terpengaruh dengan ajakan kawan. Murid yang terlibat





dalam ponteng ini sering menghadapi masalah dalam menguasai pembelajaran. Murid ini sememangnya telah sedia ada menghadapi masalah pembelajaran seperti tidak dapat menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. MBPKMP yang terlibat dengan tingkah laku ponteng berisiko untuk terlibat dengan gejala kurang sihat seperti jenayah, penagihan dadah, lepak, lumba haram dan lain-lain. Keadaan ini amat merisaukan guru-guru pendidikan khas dan pihak sekolah.

Faktor persekitaran keluarga MBPKMP mendorong mereka untuk gagal hadir ke sekolah. Latar belakang dari segi pendapatan keluarga yang rendah menyebabkan murid tidak berminat hadir ke sekolah. Wang saku dan keperluan persekolah yang tidak dipenuhi oleh ibu bapa murid menjadikan MBPKMP merasa rendah diri dan malu berbanding rakan yang lain. Aksesibiliti keluarga dari segi kemudahan ke sekolah, jarak ke sekolah terlalu jauh, keselesaan rumah dan keselamatan yang tidak sesuai mengikut kekurangan fizikal murid menyebabkan murid sering ponteng. Di samping itu faktor sosialisasi keluarga turut menyebabkan murid ponteng iaitu tiada keharmonian dalam keluarga, berlaku pengabaian terhadap anak OKU, pengetahuan ibu bapa tentang kepentingan pelajaran rendah dan terlalu sibuk sehingga mengabaikan hak pembelajaran anak mereka walaupun anak tersebut mengalami masalah pembelajaran.

1.2 Latar Belakang Kajian

Realiti masalah persekolahan yang dihadapi oleh pihak sekolah dan guru-guru terhadap kes disiplin yang semakin meningkat yang juga melibatkan Murid





Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP). Merujuk Surat Pekeliling Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6/1995, jenis-jenis salahlaku pelajar terbahagi kepada lapan unit, iaitu i). Tingkah laku jenayah, ii) Tindakan lucah, iii) Kekemasan diri, iv). Tingkah laku tidak mementingkan masa, v) Tingkah laku kurang sopan dan biadap, vi) Tingkah laku musnah, vii) Tingkah laku tidakjujur/menipu, dan viii) Ponteng.

Statistik OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) hingga 31 Mac 2017 adalah seramai 420,201 orang. Negeri yang mencatatkan bilangan OKU berdaftar tertinggi adalah Negeri Selangor (65,612 orang), diikuti Johor, Kedah dan Perak (36,969 orang). MBPKMP paling ramai berdaftar sebagai OKU (146,809 orang) diikuti masalah fizikal, penglihatan, mental pendengaran, pelbagai dan pertuturan. Walau bagaimanapun, pengkaji percaya angka ini adalah lebih besar mengambil kira mereka yang belum mendaftar. Statistik ini menunjukkan bahawa keluarga di Malaysia yang mempunyai anak OKU menghadapi cabaran yang besar untuk menjaga dan memberi sokongan dalam kehidupan anak OKU (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2017).

Masalah disiplin yang paling besar ialah ponteng sekolah. Murid yang terlibat dalam ponteng ini sering menghadapi masalah dalam menguasai pembelajaran. Murid ini sememangnya telah sedia ada menghadapi masalah pembelajaran seperti tidak dapat menguasai Tiga Kemahiran Asas (3M) iaitu membaca, menulis dan mengira. Keadaan menjadi lebih teruk ekoran sikap yang suka ponteng ketika sesi persekolahan dijalankan (Florence, 2014). Kebiasaannya, murid ini akan ketinggalan dan lupa akan pembelajaran yang telah diikuti sebelum ini. Hal ini akan menjadi lebih parah jika





perkara seperti ini berlarutan dan lebih ramai lagi MBPKMP akan terlibat ekoran terpengaruh dengan kawan-kawan yang lain. MBPKMP mengalami masalah pembelajaran sekiranya mereka terlibat dengan ponteng, ini akan menambahkan kegagalan mereka dalam menguasai kemahiran asas dan pelbagai kemahiran lain.

MBPKMP yang terlibat dengan tingkah laku ponteng tidak menyedari bahawa ponteng merupakan salah laku disiplin di sekolah. Bagi mereka tingkah laku tersebut hanyalah sekadar perkara biasa. Namun, apabila tingkah laku ponteng sering dilakukan oleh MBPKMP tanpa batasan, pelbagai masalah akan berlaku seperti kegagalan menguasai Tiga kemahiran 3M, bakat dan kecenderungan MBPKMP tidak dikesan oleh guru serta murid terdedah kepada aktiviti tidak berfaedah. Punca utama berlakunya ponteng sekolah atau ponteng kelas dalam kalangan MBPKMP ialah faktor diri, faktor hubungan keluarga, faktor rakan, faktor sikap guru dan faktor prasarana sekolah (Muhammed Sharif Mustaffa & Suria Abd Jamil, 2012).

Peningkatan kos sara hidup yang tinggi, ibu bapa MBPKMP tergolong berpendapatan rendah (B40) dan gagal menyediakan perbelanjaan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan anak yang ramai (Norulhuda Sarnon et al., 2018). Murid sanggup berhenti sekolah atau ponteng sekolah untuk bekerja bagi mendapatkan wang perbelanjaan harian untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh ibu bapa mereka. Kanak-kanak mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi dimana mereka mudah terikut dan terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti yang tidak biasa mereka lakukan. Lebih-lebih lagi MBPKMP yang memiliki tahap pemikiran yang rendah semakin berisiko untuk terjerumus dengan aktiviti tidak sihat. Contohnya lepak sehingga larut malam, merokok, merempit dan lain-lain (Carney et al., 2013). Sememangnya





MBPKMP sukakan kebebasan, dimana mereka mudah merasa tertekan dan terkongkong apabila mereka berada di rumah mahupun di sekolah. Bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi, mereka lebih suka bersendirian dan mengambil keputusan untuk lari dari suasana persekolahan ataupun terlibat dengan perkara yang tidak berfaedah.

MBPKMP yang melakukan tingkah laku ponteng juga lebih suka menghabiskan masa dengan melepak dan bersosialisasi dengan remaja-remaja yang tidak bersekolah lagi atau rakan-rakan normal yang bersekolah sesi petang. Tingkah laku ponteng kini dianggap sebagai satu masalah disiplin yang semakin serius (Natrah et al., 2014).

Masalah tingkah laku ponteng yang berlaku di sekolah rendah dan menengah turut menjadi perhatian. Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat (2010) turut bimbang ponteng semakin meningkat melibatkan murid kurang upaya dan mendapati bahawa 31.1% murid kurang upaya meninggalkan sekolah (Nolan et.al., 2013). Data ponteng 2018 dari lima buah PPKI di daerah Sabak Bernam dan lima buah PPKI di daerah Kuala Selangor yang pengkaji perolehi hasil maklumat daripada Guru penolong Kanan (GPK) Pendidikan Khas sepuluh sekolah melalui rekod kehadiran kelas (Januari-Oktober) 2018 dan dari Unit Disiplin Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sabak Bernam dan Kuala Selangor menunjukkan kehadiran murid MBPKMP adalah seperti Jadual 1.1:

Jadual 1.1

Data MBPKMP Ponteng di lima Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor tahun 2018





Bil	Sekolah	Peratus (Min)
1	Lima buah sekolah di Daerah Sabak Bernam	35.7%
2	Lima buah sekolah di Daerah Kuala Selangor	33.2%

(Unit Disiplin Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sabak Bernam, 2018)

Berdasarkan data Jadual 1.1 tersebut menunjukkan kadar kehadiran murid MBPKMP peratus (Min) lima buah sekolah daerah Sabak Bernam dan lima buah sekolah daerah Kuala Selangor gagal mencapai kehadiran 80 peratus. Keadaan ini amat membimbangkan kerana ketidakhadiran MBPKMP ke sekolah menyukarkan mereka menguasai Tiga Kemahiran Asas (3M) dan mendorong mereka kepada permasalahan lain dimasa akan datang termasuklah jenayah dan kegagalan menjadi individu yang berdikari.



Tranformasi Nasional 2050 (TN50) adalah suatu gagasan oleh yang merupakan dasar bagi memeta hala tuju Malaysia untuk tempoh 30 tahun selepas 2020. Aspek kemenjadian murid iaitu untuk melahirkan murid yang baik dari aspek sahsiah dan cemerlang akademiknya. Keutamaan dalam dasar TN50 bagi mewujudkan generasi yang berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan negara. Dasar tersebut bukan hanya meliputi kecemerlangan akademik sahaja tetapi juga meliputi sahsiah dan kesihatan serta sifat positif murid itu sendiri. Selain itu, ciri-ciri utama seperti kemahiran kepimpinan dan kemahiran berfikir diperlukan untuk bersaing di peringkat global. Bagi mencapai gagasan tersebut, semua murid tanpa mengira tahap keupayaan turut sama terlibat termasuklah murid-murid berkeperluan khas (Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana, 2018).





Tingkah laku ponteng merupakan masalah jangka panjang yang memberi kesan kepada murid terlibat, keluarga dan masyarakat. Pencapaian akademik yang rendah, berisiko keterlibatan kepada salah laku disiplin, kecelaruan emosi dan keciciran adalah kesan buruk kepada individu ponteng (Rohani Che Hashim, 2016).

Kajian ini mengkaji dan menilai hubungan persekitaran keluarga yang memberi kesan terhadap tingkah laku ponteng MBPKMP. Dapatan yang diperolehi hasil kajian adalah untuk mengurangkan tingkah laku ponteng yang berlaku dikalangan MBPKMP. Gejala ini mampu menjerumuskan murid kepada masalah sosial dan tingkah laku. MBPKMP menghadapi masalah pembelajaran, andainya mereka terlibat dengan ponteng maka mereka akan terus ketinggalan dalam mempelajari kemahiran tertentu di sekolah. Contohnya kemahiran membaca, menulis dan mengira. Di samping kemahiran hidup yang boleh membantu mereka untuk berdikari.

Oleh itu, kajian tentang ponteng melibatkan MBPKMP ini akan dijalankan dalam kajian ini dengan terperinci. Dalam kajian lain, tingkahlaku ponteng di kalangan MBPKMP berpunca dari pelbagai faktor seperti faktor biologi dan perangai, pengaruh keluarga, rakan sebaya dan persekitaran. Namun, penyumbang utama kepada masalah salahlaku ponteng adalah dari dalaman (rohani) diri MBPKMP itu sendiri, dimana MBPKMP memiliki kerohanian yang lemah, kesunyian atau ketiadaan ketenangan dan keimanan yang menyebabkan MBPKMP berisiko melakukan tingkah laku ponteng demi keseronokan dan kebebasan tanpa memikirkan kesan kepada masa hadapan. Pengkaji memfokuskan tiga domain persekitaran keluarga dengan ponteng MBPKMP. Iaitu dimensi pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi.





1.3 Penyataan Masalah

Masalah tingkah laku ponteng merupakan masalah yang sering melanda murid di pelbagai peringkat bermula dari sekolah rendah. Melalui pengalaman pengkaji sendiri dalam menangani tingkah laku ponteng sekolah dikalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP) semakin membimbangkan. Hal ini turut dibuktikan dalam kajian Nolan et.al. (2013) yang menyatakan murid berstatus pendidikan khas berisiko untuk melakukan tingkah laku ponteng. Berdasarkan maklumat dari Unit Disiplin Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sabak Bernam, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan MBPKMP melakukan tingkahlaku ponteng di sekolah. Faktor yang menyebabkan murid melibatkan diri dalam tingkah laku ponteng sekolah, di antaranya adalah disebabkan faktor sikap murid, rakan sebaya, ibu bapa dan guru. Selain itu aksesibiliti sekolah, faktor-faktor persekitaran sekolah, dan pengurusan sekolah juga boleh menjadi punca murid ponteng sekolah (Khalid Mohd, 2013). Tingkah laku ponteng muncul apabila terdapat masalah dalam mana-mana persekitaran rumah / keluarga / sekolah dan komuniti. Tingkah laku ponteng mempunyai empat prinsip yang disebabkan 1) kekurangan sokongan masyarakat, 2) persekitaran yang kurang sokongan yang mencukupi, 3) kehidupan keluarga yang kacau dan tidak berstruktur ikatan antara ibu bapa dan anak-anak, dan 4) defisit peribadi (cacat mental, kekurangan harga diri dan kemurungan) (Smith, 2015).

Kanak-kanak berumur 5-17 tahun, yang di diagnosis dengan ADHD, spektrum autism gangguan, ketidakupayaan intelektual dan masalah pembelajaran (*Slow Learner*) adalah lebih cenderung mempunyai ketidakhadiran sekolah (ponteng) yang





kronik berbanding dengan kanak-kanak yang normal (Lindsey, M.P.H., & Zablotsky, 2018). Murid yang kurang upaya belajar di kelas pendidikan khas adalah 16.7 mata peratusan yang lebih cenderung tidak hadir secara kronik daripada pelajar pendidikan perdana, manakala murid perdana hanya 4.9 peratusan mungkin tidak hadir ke sekolah secara kronik (Gottfried et al., 2017).

Didapati kebanyakan kajian lepas seperti kajian Zahari Ishak & Fin, L.S. (2013), Muhammed Sharif Mustaffa dan Suria Abd. Jamil (2012), Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014) dan Arsaythamby Veloo dan Ng Chooi Kim (2014) adalah kajian mengkaji punca-punca ponteng yang hanya mengkaji faktor-faktor ponteng dan kurangnya kajian berkaitan hubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng. Oleh itu pengkaji ingin mengkaji hubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPKMP) melibatkan tiga domain iaitu pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi.

Di dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji sejauh manakah hubungan persekitaran keluarga dari aspek pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi dengan tingkah laku ponteng MBPKMP. Lokasi kajian pengkaji adalah sekolah di Daerah Sabak Bernam dan Daerah Kuala Selangor dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. MBPKMP yang tinggal di pinggir bandar atau luar bandar seringkali menghadapi masalah dari segi persekitaran tempat tinggal, sosioekonomi keluarga, sosialisasi keluarga dan aksesibiliti.



1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengkaji hubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng Murid Berkeperluan pendidikan khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP). Persekitaran Keluarga dikaji dari domain pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi. Tujuan kajian ini juga untuk mengkaji hubungan (kolerasi) antara tiga domain (pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi) dengan tingkah laku ponteng MBPKMP.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP) sekolah rendah. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji hubungan pendapatan keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP.
2. Mengkaji hubungan aksesibiliti dengan tingkah laku ponteng MBPKMP.
3. Mengkaji hubungan sosialisasi keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP.



1.6 Persoalan Kajian

Justeru yang demikian, beberapa persoalan telah dicadangkan untuk mencapai tujuan kajian ini iaitu:

1. Adakah terdapat hubungan pendapatan keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP?
2. Adakah terdapat hubungan aksesibiliti dengan tingkah laku ponteng MBPKMP?
3. Adakah terdapat hubungan sosialisasi keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP?



1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian, hipotesis kajian yang dibina dan diuji dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Ho1 - Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP.

Ho2 - Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara aksesibiliti dengan tingkah laku ponteng MBPKMP.





Ho3 - Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sosialisasi keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP.

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji membina kerangka konsep kajian untuk dijadikan panduan. Rajah 1.1 menunjukkan pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar yang dikaji oleh penyelidik.

Domain Pendapatan keluarga dan Aksesibiliti dalam kajian ini berkait dengan Hierarki Keperluan Abraham Maslow (1968), terdapat beberapa keperluan kesempurnaan sendiri. Salah satu keperluan yang boleh dikaitkan dengan kajian ini ialah keperluan fisiologi iaitu keperluan paling asas ialah makan, minum, kesihatan dan udara. Keperluan Maslow dijelaskan secara berperingkat. Iaitu keperluan yang rendah perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum keperluan yang tinggi. Selepas Keperluan fisiologi (Asas) dipenuhi, barulah keperluan psikologi, iaitu keselamatan, kasih sayang dan penghargaan sendiri perlu dipenuhi. Peringkat paling asas dalam Hierarki Maslow adalah peringkat fisiologi iaitu keperluan mendapatkan makanan, minuman, kesihatan dan udara. Keperluan fisiologi dapat atau tidak dipenuhi bergantung kepada pendapatan keluarga. Kegagalan keperluan asas MBPKMP menyumbang kepada gangguan tingkah laku murid yang menjurus kepada tingkah laku ponteng dalam yang dikaji dalam kajian ini. Manakala dimensi aksesibiliti adalah melibatkan peringkat kedua dalam Hierarki Maslow iaitu keperluan keselamatan (perlindungan, pakaian, dan tempat tinggal).





Hubungan baik individu dengan persekitaran terdekat dapat melahirkan kanak-kanak yang seimbang psikologi. Hal ini menjelaskan bahawa keluarga merupakan persekitaran yang berperanan penting dalam membentuk dan membantu kanak-kanak berkembang menjadi individu yang positif. Kesimpulannya, persekitaran kanak-kanak dengan menggunakan sistem mesosistem dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) dapat menjelaskan hubungan persekitaran keluarga mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak (Rohayati, 2018)

Oleh itu, amatlah relevan jika kajian ini mengkaji hubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng yang berpunca daripada MBPKMP dengan persekitaran keluarga mereka seperti gambaran kerangka konseptual. Dalam kerangka kajian ini, pembolehubah tidak bersandar (*Independent Variable*) adalah Persekitaran keluarga iaitu terdapat tiga (3) domain yang menjadi pembolehubah utama. Tiga domain tersebut ialah pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi keluarga. Manakala pembolehubah bersandar (*dependent variable*) ialah tingkah laku ponteng Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP). Dalam kerangka konseptual kajian ini, ketiga-tiga domain Persekitaran Keluarga di bina berasaskan kepada teori-teori yang menjadi asas kajian. Domain pendapatan keluarga dan aksesibiliti adalah hasil daripada keperluan fisiologi (teori Maslow) dan domain sosialisasi adalah kesan persekitaran psikologi apabila kanak-kanak berada di persekitaran keluarga menerusi teori Bronfenbrenner.


Teori Maslow dan teori Bronfenbrenner adalah berfokuskan kejayaan kanak-kanak mencapai kesempurnaan sendiri. Teori Maslow melibatkan aktualisasi diri kepada diri sendiri, manakala teori Bronfenbrenner aktualisasi diri kepada





persekitaran. Tingkah laku negatif (ponteng) disebabkan kegagalan kanak-kanak mencapai kesempurnaan sendiri yang baik. Kajian ini melibatkan kanak-kanak MBPKMP keperluan dari segi kewangan dan kemudahan lebih tinggi berbanding kanak-kanak normal. Manakala hubungan sosialisasi MBPKMP perlu dijaga kerana kekurangan yang dihadapi oleh mereka menjadikan mereka tiada keyakinan diri dan tidak berdikari. Pembentukan tingkah laku ponteng adalah berdasarkan penerimaan MBPKMP dalam persekitaran keluarga samaada positif atau negatif yang menyumbang tingkah laku ponteng. Kerangka konseptual kepada Persekitaran keluarga merujuk kepada pola persekitaran sosial dan perhubungan di antaranya dalam mempengaruhi pembangunan atau perkembangan manusia (Bronfenbrenner, 1979). Bubolz dan Sontag (1993) pula berpendapat bahawa secara konseptual, ekosistem keluarga adalah suatu kelompok manusia yang mempunyai pertalian berinteraksi dengan persekitarannya yang mana hasilnya akan mencorakkan pembangunan atau perkembangan manusia. Model ekosistem keluarga yang dipelopori oleh Bubolz dan Sontag (1993) memperlihatkan bagaimana persekitaran dan keluarga saling berhubungan dan mempengaruhi antara satu sama lain (Noralina Omar, 2016; Bubolz & Sontag, 1993).





Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual kajian



1.9 Kepentingan Kajian

1.9.1 Kepentingan Kajian kepada Bidang Pendidikan

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP. Persekitaran keluarga dari domain pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi di kaji dengan jelas hubungannya dengan ponteng dalam kajian ini. Kajian lepas banyak melibatkan ponteng murid perdana, jarang ditemui di Malaysia kajian melibatkan MBPKMP. Oleh itu, hasil kajian ini dapat membantu menyediakan maklumat dan bukti kajian kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tentang faktor-faktor ponteng sekolah yang wujud di sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi. Kajian ini juga membantu pihak KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) serta dapat merancang dan mengambil tindakan serta langkah-langkah yang sesuai dan wajar dalam menangani masalah ponteng dalam kalangan MBPKMP sekolah rendah seperti garis panduan dan mengkaji semula peraturan-peraturan yang membabitkan disiplin murid MBPKMP.

Dalam kajian ini pengkaji akan mengadaptasikan satu soal selidik untuk mengkaji hubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP. Hasil adaptasi soal selidik kajian Noraini yusof (2014) yang digunakan dalam kajian ini juga dapat digunakan sebagai rujukan kepada pengkaji akan datang. Hasil dari kajian ini diharapkan guru-guru PPKI dapat mengkaji hubungan faktor persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng dalam kalangan MBPKMP. Perubahan tingkah laku murid yang negatif di sekolah akan mempengaruhi hasil pembelajaran murid. Kajian ini dapat mencari punca utama atau faktor murid terlibat tingkah laku ponteng





dari domain persekitaran keluarga dikalangan MBPKMP dan lebih menumpukan pelajaran. Kehadiran MBPKMP amat penting untuk menguasai kemahiran kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) bagi meneruskan kehidupan lebih berdikari dan memberi peluang kepada mereka untuk hidup seperti murid biasa. Guru-guru juga boleh mengenal pasti murid yang ponteng, memahami punca salah laku tersebut serta bertindak sebagai pembimbing kepada murid agar berubah kepada sikap yang lebih positif. Faktor persekitaran keluarga dari segi pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi dikaji untuk mengetahui faktor mana yang lebih signifikan menjadi penyebab ponteng.

Kajian ini akan memberi manfaat kepada penyelidik, guru dan ibu bapa serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya pembelajaran kepada MBPKMP. Walaupun MBPKMP mengalami pelbagai kesukaran dalam pembelajaran tapi kehadiran mereka amat penting agar dapat meningkatkan keupayaan dan kebolehan mereka. Seiring dengan hasrat dan matlamat negara untuk menjadi sebuah negara maju dengan pembangunan, namun kemajuan ini akan terjejas sekiranya bakal generasi muda terlibat dengan gejala sosial dan mengalami tahap akademik yang rendah disebabkan oleh masalah tingkah laku ponteng dalam kalangan MBPKMP.

1.9.2 Kepentingan Kajian kepada Guru

Kepentingan kajian ini kepada guru-guru, dimana maklumat hasil kajian ini dapat disampaikan kepada ibu bapa yang menghadapi anak MBPKMP ponteng. Hasil dapatan kajian melibatkan tiga domain iaitu pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi dapat dikaji. Antara ketiga-tiga domain tersebut, domain yang lebih





menjadi penyebab ponteng (nilai Spearman Rho lebih tinggi) maka pihak sekolah dan guru perlu bersama-sama berbincang untuk mengatasi ponteng berdasarkan hasil kajian ini nanti. Para guru juga dapat mengetahui perubahan tingkah laku MBPKMP yang negatif di sekolah yang mempengaruhi pencapaian akademik MBPKMP. Perubahan tingkah laku MBPKMP ponteng perlu dimaklumkan kepada ibu bapa, andainya ibu bapa tidak kesah dan merasakan anak mereka tiada harapan untuk berjaya, guru-guru perlu memotivasikan kembali ibu bapa dan menyatakan hak MBPKMP menerima pendidikan.

Kajian ini juga dapat membantu pihak pengurusan sekolah membendung gejala salah laku disiplin yang sememangnya menyukarkan perjalanan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Dengan usaha ini, guru-guru dapat memberi tumpuan yang seoptimum terhadap proses penerapan ilmu terhadap MBPKMP melalui PdPc. Kehadiran murid MBPKMP sangat penting di sekolah kerana kekurangan yang dimiliki dari segi pembelajaran akan memberi peluang kepada guru untuk mencungkil bakat dan kecenderungan MBPKMP kepada bidang lain. Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) merupakan badan bukan berasaskan keuntungan yang bertanggungjawab mengetengahkan bakat-bakat sukan OKU ke peringkat yang lebih tinggi. Kehadiran MBPKMP amat penting bagi guru mengesan bakat dan potensi MBPKMP agar dapat ke peringkat antarabangsa.

1.9.3 Kepentingan Kajian Kepada Ibu Bapa

Kepentingan kajian ini kepada ibu bapa MBPKMP yang terlibat sangat penting kerana hasil kajian ini akan menjadi bukti kepada ibu bapa dimana persekitaran





keluarga dari sudut domain pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi keluarga menjadi penyebab ponteng MBPKMP. Ibu bapa merasakan mereka telah melakukan yang terbaik kepada anak-anak mereka, sedangkan anak OKU memerlukan penjagaan dan keperluan yang lebih berbanding anak-anak normal. Dengan hasil kajian ini, dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa ponteng MBPKMP akan kepentingan kehadiran anak mereka ke sekolah. Bakat dan kecenderungan anak mereka dapat diasah dan dicungkil di sekolah bersama guru. Persekitaran keluarga yang positif akan menghasilkan anak-anak bertingkah laku positif. Melalui hasil kajian ini juga memberi motivasi kepada ibu bapa agar dapat meningkatkan penerimaan kehadiran anak OKU dalam keluarga serta cuba berkerjasama dengan guru untuk mengatasi tingkah laku ponteng anak mereka.



1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melihat perhubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP. Domain persekitaran keluarga yang dikaji dari segi pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi. Kajian ini hanya melibatkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP). Murid yang dikaji adalah murid yang sememangnya terlibat dengan tingkah laku ponteng berdasarkan rujukan buku kehadiran murid Program pendidikan khas Integrasi (PPKI). Hanya hubungan persekitaran keluarga yang dikaji dengan tingkah laku ponteng MBPKMP. Segala dapatan kajian adalah berdasarkan responden-responden ibu bapa MBPKMP. Faktor pemilihan sekolah adalah berdasarkan PPKI yang mengalami masalah ponteng.





1.11 Definasi

1.11.1 Persekitaran keluarga

Persekitaran keluarga yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah individu yang tinggal bersama MBPKMP di dalam satu tempat yang mempunyai infrastruktur, prasarana di dalam rumah, termasuk kemudahan asas. Definasi persekitaran keluarga yang akan diukur dalam kajian pengkaji adalah dari aspek pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi.

1.11.2 Pendapatan Keluarga

Definasi pendapatan keluarga dalam kajian ini ialah jumlah wang (upah) yang diperolehi dalam jangka masa tertentu. Secara operasi pendapatan keluarga dalam kajian ini akan diukur berdasarkan anggaran pendapatan ibu bapa setiap bulan. Menurut Eli Yuliawati (2012) pula menyatakan bahawa pendapatan keluarga merupakan balasan karya, jasa atau imbuhan yang diperolehi hasil sumbangan dalam kegiatan perkhidmatan. Secara konkritnya pendapatan keluarga berasal dari bekerja sendiri contohnya, 1) berdagang, bertani, membuka perniagaan, 2) bekerja pada orang lain: sebagai pegawai kerajaan atau karyawan, 3) hasil dari tanah: misalnya tanah yang disewakan dan lain-lain.

Kegagalan ibu bapa menyediakan keperluan persekolah anak akan mendorong mereka untuk malu ke sekolah dan sering diejek oleh rakan-rakan. MBPKMP mendapat peruntukan elaun khas, tetapi wang tersebut digunakan untuk menampung kos kehidupan keluarga kerana pendapatan keluarga tidak mencukupi. Segala





maklumat pendapatan keluarga diperolehi dari Pangkalan Data Murid (APDM) kepada semua sekolah di Malaysia. Sistem ini digunakan secara online sepenuhnya dan diterajui oleh guru kelas. Fungsi APDM ini ialah menyimpan semua data murid dan bersifat perkongsian (*sharing*) kerana boleh dikongsi dengan semua guru dan ibu bapa di semua tempat.

1.11.3 Aksesibiliti

Dalam kajian ini, pengkaji mendefinisikan operasi aksesibiliti keluarga sebagai kemudahan, infrastruktur, kemudahan asas di tempat tinggal yang disediakan oleh ibu bapa kepada murid untuk menjalani kehidupan dan persekolahan. Aksesibiliti dalam kajian ini akan diukur melalui fizikal rumah murid kerana keselesaan murid OKU untuk bergerak. Walaupun MBPKMP mengalami kekurangan, mereka memerlukan persekolahan seperti kanak-kanak lain. Bagi menjamin kehadiran ke sekolah, pengangkutan yang sesuai perlu disediakan oleh keluarga. Jarak dan tempoh perjalanan ke sekolah boleh dinilai sebagai aksesibiliti. Disamping itu kelewatan ibu bapa mengambil anak di sekolah disebabkan jarak dan tempoh yang lama untuk sampai ke sekolah.

1.11.4 Sosialisasi Keluarga

Pengkaji mendefinisikan sosialisasi sebagai interaksi dan hubungan antara individu MBPKMP dengan persekitaran. Sosialisasi dalam keluarga wujud sejak dari anak itu lahir dari ibu bapa, adik beradik dan persekitaran tempat tinggal. Individu akan mempelajari tentang budaya, adab, tingkah laku, bahasa dan lain-lain melalui





sosialisasi dalam keluarga. Andai sosialisasi berlaku tidak baik dalam keluarga akan memberi kesan yang negatif terhadap pemikiran, tingkah laku dan sikap anak tersebut. Tahap sosialisasi akan diukur oleh responden berdasarkan budaya, adik beradik, tingkah laku dan persekitaran tempat tinggal. Sosialisasi akan diukur dalam kajian ini melalui sikap dan kemesraan ahli keluarga terhadap anak OKU dan keharmonian dalam keluarga contoh tiada pergaduhan dalam keluarga. Disamping itu tempoh keberadaan ibu bapa di rumah berkaitan dengan sosialisasi keluarga. Ibu bapa dan ahli keluarga menjadi *role model* dalam keluarga. Sekiranya terdapat ahli keluarga yang mengamalkan budaya tidak sihat seperti penagih dadah, pemabuk, ponteng sekolah akan mempengaruhi sosialisasi murid dirumah.

1.11.5 Ponteng



Pengkaji mendefinisikan tingkah laku ponteng dalam kajian ini ialah gagal menghadirkan diri ke sekolah tiga hari berturut-turut tanpa dokumen atau pemberitahuan oleh ibu bapa atau penjaga sebab kegagalan hadir ke sekolah. Dengan itu, pengkaji ingin mengkaji hubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP. Persekitaran keluarga dari segi tiga domain iaitu pendapatan keluarga, aksesibiliti dan sosialisasi.

1.11.6 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP)

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP) dikenali sebagai kanak-kanak istimewa yang berbeza secara fizikal, mental dan emosi, dimana





mereka yang tidak sama dengan kanak-kanak normal dari segi perkembangan dan pertumbuhannya. Keupayaan dan kebolehan maksimum mereka dalam pelbagai bidang adalah rendah berbanding kanak-kanak biasa dan tingkah laku mereka adalah berbeza mengikut jenis kecacatan. MBPKMP merupakan murid yang dikenalpasti dan disahkan oleh pakar profesional klinikal yang mengalami kecacatan yang boleh mengganggu proses pembelajaran. Kecacatan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsi kanak-kanak dalam pelbagai kebolehan. Kategori kanak-kanak pendidikan khas meliputi beberapa jenis masalah pembelajaran iaitu down sindrom, lambat, hiperaktif, disleksia dan autistisme. Masalah segi psikologi, emosi, psikososial dan fizikal juga tergolong dalam OKU. Disamping itu terdapat juga MBPKMP yang mengalami masalah pendengaran dan penglihatan. Oleh itu, MBPKMP diintegrasikan mereka dengan kanak-kanak normal di sekolah yang sama untuk membentuk jalinan sosialisasi. Pendekatan integrasi yang digunakan untuk merapatkan jurang antara kanak-kanak normal dengan MBPKMP. Program Inklusif penuh atau separa turut dijalankan kepada murid MBPKMP bagi memastikan MBPKMP dapat bersosialisasi bersama-sama murid perdana.

1.12 Penutup

Kajian ini mengkaji hubungan persekitaran keluarga dengan tingkah laku ponteng MBPKMP. Kajian dapat memberi gambaran dan menilai hubungan faktor persekitaran fizikal keluarga memberi kesan terhadap gejala ponteng terhadap MBPKMP. Dapatan yang akan diperolehi hasil kajian ini mampu mengatasi tingkah laku ponteng yang berlaku dikalangan MBPKMP. Gejala ini mampu menjerumuskan





murid kepada masalah sosial dan tingkah laku. Kita haruslah memikirkan dan berusaha menyelamatkan murid istimewa ini terus ketinggalan. Yang kita sedia maklum, MBPKMP menghadapi masalah pembelajaran, andainya mereka terlibat dengan tingkah laku ponteng maka mereka akan terus ketinggalan dalam mempelajari kemahiran tertentu di sekolah. Contohnya kemahiran membaca, menulis dan mengira. Di samping kemahiran hidup yang boleh membantu mereka untuk berdikari. Oleh yang demikian, selaku guru pendidikan khas selama 10 tahun sangat risau akan masalah ponteng yang berlaku di kalangan MBPKMP, walaupun ia dikategorikan sekolah luar bandar namun gejala ponteng turut di berlaku.

